

25 AUG 1997

Mahathir-Dividen

PM UMUMKAN DIVIDEN 10.1 PERATUS BAGI ASW 2020

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan dividen 10.1 peratus bagi tahun pertama Amanah Saham Nasional 2020 (ASN 2020) yang dilancarkan pada 28 Ogos tahun lepas.

Pengurus amanah saham itu, Amanah Saham Nasional Bhd, akan memperuntukkan sebanyak RM160.59 juta bagi dividen yang dikecualikan daripada cukai, bagi pelaburan sepanjang tempoh 2 Sept 1996 hingga 31 Ogos 1997.

Sehingga 22 Ogos 1997, sejumlah 333,491 pemegang unit Bumiputera ASN 2020 melabur sebanyak RM333,955,082, sementara bukan Bumiputera berjumlah 480,834 dengan pelaburan sebanyak RM1,247,165,544.

Pengerusi Permodalan Nasional Bhd (PNB) Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid membacakan teks ucapan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra.

Dr Mahathir berkata baki RM1,196,044,918 daripada jumlah pelaburan masih belum dibeli bagi peruntukan Bumiputera berbanding RM222,834,456 bagi baki untuk bukan Bumiputera.

Oleh itu, beliau berharap mereka yang layak akan membeli unit-unit ASN 2020 ini untuk turut serta menikmati hasil daripada kemakmuran ekonomi negara.

"Saya juga berharap pemegang-pemegang unit akan terus mengekalkan dividen yang diperolehi dalam ASN 2020 dan terus menambah pelaburan kerana skim ini merupakan tabungan jangka panjang yang stabil dan menguntungkan," katanya.

Dalam persidangan berita itu, Ahmad Sarji berkata dividen ASN 2020 amat menggalakkan memandangkan keadaan pasaran yang menghadapi tekanan.

Ini berbanding dengan dividen pertama bagi Amanah Saham Nasional (ASN) pada tahun 1981 iaitu 20 peratus dan Amanah Saham Bumiputra (ASB) 12.8 peratus pada tahun 1989.

Beliau berkata daripada 6.5 juta jumlah penduduk Malaysia yang berumur antara 12 tahun dan di bawah 30 tahun serta layak melabur dalam ASN 2020, hanya 12.48 peratus ataupun 814,325 sahaja yang telah melabur.

Menurut beliau lima negeri berada di bawah tahap 12.48 peratus atau kadar purata peratusan pelabur.

Negeri-negeri itu ialah Terengganu hanya 4.97 peratus, Kelantan (6.92 peratus), Sabah (9.49 peratus), Johor (9.50 peratus) dan Sarawak (10.33 peratus).

Ahmad Sarji berkata kakitangan PNB akan berusaha terus menggandakan usaha dan mengadakan kempen bagi menggalakkan pelaburan dalam ASN 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif PNB Datuk Mohd Hilmey Taib bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri bahawa dana tempatan harus mendahului di Bursa Saham Kuala Lumpur.

"Memang tepat apa yang dikatakan oleh Dr Mahathir bahawa kinilah masanya bagi pelabur tempatan untuk membeli... mengenai PNB, kami adalah pemain jangka panjang, kami tetap akan menyokong pasaran," katanya.

Semasa merasmikan bangunan baru BSKL di Bukit Kewangan minggu lepas, Perdana Menteri menggesa pelabur tempatan supaya masuk dan menguasai dagangan dalam bursa tempatan.

Menurut Dr Mahathir, "sebuah pasaran saham yang baik seharusnya dibuka tetapi tidak terlalu bergantung atas pelaburan oleh pengurus dana asing."

Apabila diminta mengulas mengenai keadaan semasa di pasaran saham,

Hilmey berkata: "Hanya Tuhan yang tahu, tetapi daripada apa yang saya dengar, semuanya adalah positif yang bermakna bahawa indeksny (Indeks Komposit) akan kembali ke paras biasanya."

Pada pukul 3.42 petang, Indeks Komposit jatuh 9.05 mata kepada 895.95, Indeks Emas susut 2.20 mata kepada 257.58 dan Indeks Perusahaan turun 24.74 mata kepada 1,853.82. -- BERNAMA

AA/YY SIA NMO